

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status tender kerja-kerja pengukuran pada pertengahan Ogos 2020 yang lalu serta status tender Kajian Kemungkinan Bersepadu Sumber Air dan Tebatan Banjir yang kononnya akan ditender seawal September 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Status semasa bagi tender perolehan kerja ukur kejuruteraan ia adalah dalam peringkat perolehan selanjutnya (iaitu penyediaan dokumen pelawaan kerja ukur bagi membolehkan juruukur mengemukakan Cadangan Teknikal Dan Kos (CTK)).
2. Manakala bagi tender Kajian Kemungkinan Bersepadu Sumber Air dan Tebatan Banjir, dokumen perolehan telah siap dan iklan pelawaan akan dikeluarkan dan dijangka iklan pada penghujung bulan Disember 2020.